

128

NO SOALAN :59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM
(BANDAR TUN RAZAK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.03.2018

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik lengkap tahunan mengenai liabiliti kontingen dan pinjaman dijamin Kerajaan Persekutuan antara 1970- 2017 berdasarkan jumlah, denominasi matawang, benefisiari, status terakhir hutang dan butiran relevan lain serta pelan tindakan untuk menangani liabiliti kontingen yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan dari masa ke semasa memberi jaminan

129
kepada badan berkanun dan syarikat Kerajaan untuk meminjam bagi membiayai projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

2. Merujuk kepada Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun pada 31 Disember 2016, baki pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan adalah sebanyak RM187.23 bilion terdiri daripada pinjaman domestik RM182.54 bilion (97.5%) dan pinjaman luar RM4.69 bilion (25.5%) yang melibatkan 4 badan berkanun dan 26 syarikat berkaitan Kerajaan. Manakala, jumlah jaminan Kerajaan pada tahun 2017 pula adalah sebanyak RM238.02 bilion (senarai syarikat akan dikeluarkan dalam Penyata Akaun Awam bagi tahun 2017 yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara pada tahun ini)

3. Prestasi bayaran balik pinjaman adalah baik dan mengikut jadual ditetapkan tanpa sebarang tunggakan. Senarai badan berkanun dan syarikat-syarikat yang dijamin oleh Kerajaan boleh diperolehi dari Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan dan dibentangkan di Parlimen setiap tahun.